

AmInvestment Group diiktiraf secara konsisten di antara bank pelaburan terbaik dengan penerimaan dan pengiktirafan industri lintas mengukuhkan kedudukannya sebagai Perunding Utama kepada Syarikat-syarikat Malaysia.

Dedikasi, komitmen dan penumpuan usaha kami telah memainkan peranan penting dalam kejayaan kami dalam perniagaan perbankan pelaburan.



**Teng Chean Choy**  
Pegarah, Perbendaharaan Kumpulan

**John Tan Giap How**  
Pegarah Urusan  
AmSecurities Sdn Bhd

**Datin Maznah Mahbob**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Bahagian Pengurusan Dana

**Cheah Tek Kuang**  
Pegarah Bukan Bebas  
Bukan Eksekutif  
AmInvestment Group

**Kok Tuck Cheong**  
Pegawai Urusan  
AmMerchant Bank Berhad



**Pushpa Rajadurai**  
Pegawai Eksekutif  
AmMerchant Bank Berhad

## Pasukan Strategik Perniagaan & Perniagaan Teras

**AmInvestment Group telah menetapkan pendirian yang proaktif untuk memahami kepelbagaian keperluan pasaran untuk hasil perbankan pelaburan yang lebih khusus melalui penghasilan penyelesaian kewangan yang lebih kompleks dan mengikut tempahan.**

Perbankan pelaburan adalah bidang teras yang diberi tumpuan oleh AmInvestment Group. Setelah menetapkan kedudukan kami sebagai peneraju pasaran melalui pembaharuan, pengalaman dan kepakaran, Kumpulan terus mendominasi hampir kesemua aspek perbankan pelaburan.

Dalam bidang pensindikatan pinjaman dan pembiayaan projek, AmInvestment Group telah menyambur peluang yang timbul akibat daripada perubahan dalam aliran-aliran peminjaman. Kumpulan telah mencapai keunggulan setelah berjaya mengumpulkan dana dengan cara memanfaatkan perhubungan pelanggan yang rapat serta kepakaran yang telah dikembangkan dalam industri khusus.

Sumber dan pengalaman Kewangan dan Penasihat Korporat serta pasukan Pasaran Hutang Modal amat berguna sekali kepada pelanggan yang mencari cara yang paling inovatif dan berkesan untuk mengumpul dana-dana modal dan membiaya projek. Derivatif-derivatif Ekuiti dan Perbendaharaan mengembang dan memberi struktur kepada penyelesaian yang mengikut tempahan dan ada tambah nilai dengan melibatkan arbitraj, perlindungan nilai dan perdagangan utama untuk pelanggan kumpulan sementara perkhidmatan pembrokeran membantu pelanggan kami untuk berdagang ekuiti yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Pasukan Pengurusan Dana membolehkan pelanggan kami untuk melabur dana mereka dalam pelbagai kelas aset dan matawang, dan untuk mengoptimumkan pulangan mereka. Kemudahan di pasaran serantau yang ditawarkan melalui cawangan Kumpulan di Labuan merangkumi rangkaian penuh perkhidmatan perbankan pelaburan yang telah ditawarkan sebagai gerak balas kepada permintaan tinggi untuk kemampuan mengumpul modal dalam dolar US yang dipacu oleh globalisasi.



**Teng Chean Choy**  
Pengarah, Perbendaharaan Kumpulan

## Perbendaharaan

Bahagian Perbendaharaan mengurus secara keseluruhan pembiayaan, kecairan, kadar faedah dan risiko pertukaran asing dalam penyata kira-kira Kumpulan.

Bahagian ini melaksanakan perdagangan proprietari dan pembuat pasaran dalam pasaran sekunder instrumen hutang, hasil derivatif dan untuk hasil di kaunter seperti swap kadar faedah dan matawang bersilang serta perjanjian kadar ke hadapan. Bahagian ini juga terlibat secara aktif dalam jualan dan pengagihan instrumen kepada pelabur.



**John Tan Giap How**  
Pengarah Urusan  
AmSecurities Sdn Bhd

## Pembrokeran

Perkhidmatan pembrokeran ditawarkan melalui AmSecurities Sdn Bhd kepada individu, korporat dan entiti separa-kerajaan untuk perdagangan sekuriti yang tersenarai di Bursa Malaysia.



**Anuar bin Omar**  
Pengarah, Kewangan Korporat

## Kewangan Korporat

Kewangan Korporat bertanggungjawab ke atas pengasalan, kerja menstruktur, pelaksanaan dan memberi perkhidmatan nasihat kepada syarikat. Perkhidmatan termasuk:

- Penyatuan dan Pengambilalihan;
- Penyusunan semula korporat dan hutang;
- Perundingan pra-penyenaraian dan tawaran awam awal;
- Perundingan projek;
- Struktur niaga dan penilaian;
- Pengumpulan dana Islam dan produk ekuiti bukan Islam; dan
- Penempatan utama dan peringkat kedua termasuk pengaturan untuk penaja jamin.



**Wong Kum Cheong**  
Pengarah, Derivatif Ekuiti

## Derivatif Ekuiti

Derivatif Ekuiti mengembang dan memberi struktur kepada penyelesaian yang mengikut tempahan dan ada tambah nilai dengan melibatkan arbitraj, perlindungan nilai dan perdagangan utama untuk pelanggan. Ia juga berdagang derivatif pertukaran-dagangan, derivatif di kaunter, termasuk juga urusan niaga pasaran tunai.



**Gan Kim Khoon**  
Pengarah Eksekutif  
AmResearch Sdn Bhd

## Penyelidikan

Penyelidikan ekonomi, sektor industri dan syarikat tersenarai yang dikeluarkan oleh AmResearch Sdn Bhd bertujuan untuk melengkapkan pelabur Kumpulan dengan pengetahuan ekonomi dan pasaran apabila membuat keputusan pelaburan.



**Mohd Effendi bin Abdullah**  
Pengarah, Pasaran Islam &  
Sektor Awam

## Pasaran Modal Islam

Pasaran Modal Islam menawarkan perkhidmatan dalam penstrukturkan hasil kewangan berlandaskan prinsip Syariah yang disasarkan kepada pelanggan tempatan dan antarabangsa. Ia berfungsi sebagai pasaran yang selari kepada pasaran modal konvensional dan melengkapi keseluruhan sistem Perbankan Islam.



**Seohan Soo**  
Pegarah, Pasaran Modal Hutang



**Stephanie Gan Eng Hooi**  
Pegarah, Perbankan Pelaburan



**Wan Marina Tunku Mohd Jamil**  
Pegarah, Perbankan Pelaburan

## Pasaran Modal Hutang

Pasaran modal hutang bertanggungjawab ke atas semua aktiviti pengumpulan dana pulangan tetap oleh pelanggan di dalam pasaran pulangan tetap. Rangkaian perkhidmatan termasuk:

- Hasil pasaran hutang modal islam dan konvensional daripada pembiayaan konvensional kepada nasihat pengurusan liabiliti;
- Pembiayaan berstruktur (termasuk sekuriti-sekuriti dijamin aset, terbitan-terbitan hutang berstruktur, pembiayaan projek dan struktur-struktur kewangan tertanam-cukai); dan
- Nasihat perlindungan nilai dan derivatif.

## Perbankan Pelaburan

Unit perbankan pelaburan menawarkan penyelesaian mengikut tempahan untuk memenuhi keperluan kewangan setiap pelanggan dan melibatkan diri bersama pelanggan untuk mengenal pasti struktur pengasalan yang paling bersesuaian dengan keperluan kewangan perniagaan pelanggan.

Pegarah - Perbankan Pelaburan  
(kiri-kanan):

**Saifuddin bin Abu Bakar**  
**Chan Wan Seong**  
**Steven Perng Chong Hann**

Pegarah Madya:  
**Mahani Ibrahim**



**Paul Ong Whee Sen**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
AmInternational (L) Ltd



**Datin Maznah Mahbob**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Bahagian Pengurusan Dana



**Tai Terk Lin**  
Pegarah, Perbankan Persendirian

## Pengurusan Dana

Bahagian pengurusan dana yang terdiri daripada AmInvestment Services Berhad dan AmInvestment Management Sdn Bhd, menyediakan pengurusan pelaburan, pengurusan amanah saham dan penyelesaian pelaburan mengikut tempahan untuk pelanggan runcit dan institusi.

## Perbankan Persendirian

Bahagian perbankan persendirian menyediakan perkhidmatan pengurusan kekayaan persendirian kepada pelanggan mewah, individu atau keluarga dan syarikat. Hasil dan perkhidmatan termasuk nasihat rancangan kewangan, perkhidmatan kewangan mengikut tempahan dan satu rangkaian hasil ekuiti, hutang dan kacokan.

## Pasaran Serantau

Aktiviti Perbankan Serantau dikendalikan oleh AmMerchant Bank melalui cawangannya di Labuan dan subsidiari milik penuh AmInternational (L) Ltd. Hasil dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah berasaskan Dolar US dalam bentuk perbankan Islam atau konvensional. Perkhidmatan perbankan adalah peruntukan hutang, perkhidmatan kewangan dan penasihat korporat bersangkutan dengan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan dan perkhidmatan perbendaharaan iaitu penerimaan deposit, hasil perbendaharaan berstruktur dan pinjaman sekuriti pulangan tetap. Kumpulan juga beroperasi di Indonesia melalui PT AmCapital Indonesia, yang diterajui oleh Encik Mustofa, sebagai Presiden Pegarah. PT AmCapital Indonesia mengendalikan aktiviti utama pembrokeran saham, penaja jaminan dan pengurusan pelaburan.

## Sokongan Korporat Kumpulan

Inisiatif strategi AmlInvestment Group adalah dilaksanakan dengan sokongan pasukan dengan kepakaran khusus yang membolehkan pelaksanaan urusan niaga, mengurus risiko, memastikan pematuhan kepada keperluan kawal selia sambil membangun dan meningkatkan modal insan, sistem teknologi maklumat dan jenama.



**Fauziah Yacob**  
Pengarah,  
Sumber Manusia Kumpulan



**Ravindra Kumar Thambimuthu**  
Setiausaha Syarikat dan  
Penasihat Undang-undang Kumpulan



**Alice Dora Boucher**  
Pengarah,  
Pengurusan Risiko Kredit



**Arunasalam Muthusamy**  
Pengarah,  
Kewangan



**Ponnampalam  
S Seenivasagam**  
Pengarah,  
Pentadbiran Kredit



**Tan Keat Lin**  
Pengarah,  
Pengurusan Risiko Kumpulan



**Murugiah M N Singham**  
Pengarah,  
Pematuhan Kumpulan



**Charles Tan Keng Lock**  
Ketua Pegawai Maklumat,  
Perkhidmatan Maklumat Kumpulan



**Amarjeet Kaur**  
Pengarah,  
Perkhidmatan Korporat Kumpulan



**Syed Anuar bin Syed Ali**  
Pengarah,  
Hal Ehwal Awam Kumpulan